



AINAL MARHATON ABD GHANI | BERITA HARIAN

DR DAING NASIR menyampaikan hadiah kepada Siti Noor Hidayah yang muncul juara kategori bahasa Melayu pertandingan akhir Pidato Kemerdekaan IPT 2010 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang.

Siti Noor Hidayah juara pidato

DH (Timur)
Kumis 14/10/11
ms 7

KUANTAN: Pelajar Tahun Empat Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Siti Noor Hidayah Mustaha, 22, muncul juara kategori bahasa Melayu pada pertandingan akhir Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, dekat sini.

Kategori bahasa Inggeris pula dimenangi pelajar Tahun Dua Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mohammad Syafiq Bakhtiar, 22.

Kemenangan itu membolehkan kedua-duanya menerima hadiah wang tunai RM5,000, piala pusingan, piala iringan, cenderamata dan sijil penghargaan yang disampaikan Naib Canselor

UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Ketika ditemui, Siti Noor Hidayah, berkata kemenangan itu memberi makna tersendiri kepada dirinya yang pertama kali berada di pentas pertandingan.

“Keyakinan diri dalam menterjemahkan erti merdeka itu memberi pengertian yang amat mendalam kerana saya berjaya menzahirkan apa yang terlintas di fikiran dan lahir daripada jiwa saya sebagai anak merdeka.

“Kami diberi masa selama satu jam selepas tajuk diberi untuk mencari maklumat tetapi tidak menjadi masalah kerana saya sudah membuat persediaan awal disebabkan pidato ini memberi fokus mengenai kemerdekaan,” katanya ketika ditemui pada majlis penutup penyampaian hadiah.

Turut hadir, Ketua

Eksekutif dan Setiausaha Lembaga Yayasan Tunku Abdul Rahman, Dr Tengku Abdul Aziz Tengku Zainal dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohamad Abdul Razak.

Seramai 10 peserta masing-masing lima peserta bagi kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dari enam IPT menyampaikan pidato mengenai kemerdekaan bertemakan 1Malaysia Menjana Transformasi.

Pertandingan anjuran UMP dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaya (MADUM) dan Yayasan Tunku Abdul Rahman itu disertai 44 pemedato.

Sementara itu, Mohammad Syafiq berkata, pertandingan itu memberi ruang kepada pelajar mengumpul

maklumat dan mengutarakan isu berkaitan kemerdekaan.

“Generasi muda sekarang tidak fokus mengenai kemerdekaan malah ada di kalangan mereka mendabik dada mengaku sebagai anak merdeka tetapi tidak mempunyai jati diri malah masih dibelenggu pengaruh barat,” katanya.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, pertandingan pidato itu dapat menyuburkan semangat patriotik dan menjelaskan erti kemerdekaan kepada generasi muda.

“Penganjuran Pidato Kemerdekaan IPT ini menjadi landasan kepada pelajar menyuarakan pendapat dan pandangan mengenai hikmah dan nikmat kemerdekaan yang dikecapi hari ini adalah hasil perjuangan masa lalu,” katanya.